

Kesabaran saya ada had'

Hak ulas reaksi rosak perpaduan: Abdullah

KUALA LUMPUR: Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi semalam menegaskan kesabaran mempunyai batasan dan justeru, jangan sesiapa sama ada di dalam atau luar Umno, cuba mengujinya.

Peringatan itu disampaikan oleh Perdana Menteri dalam majlis Taklimat Presiden menjelang Perhimpunan Agung Umno di Dewan Merdeka, Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) di sini petang semalam.

Di majlis taklimat tertutup yang turut dihadiri Timbalannya, Datuk Seri Najib Razak, ahli Majlis Tinggi (MT) dan perwakilan dari semua 191 bahagian Umno itu, Abdullah mahu setiap ahli parti mengutamakan semangat kekeluargaan bagi memastikan Umno terus kuat dan teguh untuk memperjuangkan kepentingan orang Melayu.

Pada sidang media selepas pertemuan hampir dua jam itu, Perdana Menteri mengakui memang sukar untuk menjadi pemimpin yang bersikap baik dan penyabar.

"Ya... saya kata begitulah tadi. Apa saya kata ialah 'its hard to be nice and to be patient' (sukar untuk menjadi baik dan penyabar). Janganlah menguji saya pula nanti," katanya ketika ditanya pemberita apakah beliau memberitahu perwakilan demikian.

Dalam majlis taklimat itu, perwakilan dikatakan bertepuk tangan apabila Abdullah bertanya apakah mereka mahu beliau lebih tegas. Bagaimanapun, beliau tidak menyebut sesiapa termasuk bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad.

Mengulas pandangannya mengenai sikap perwakilan Umno sejak beliau mengambil alih kepemimpi-

nan parti, Abdullah berkata, mereka sudah semakin berani menyatakan pandangan.

"Jika kita ambil wakil Umno dalam Parlimen, dalam Senat, dalam Dewan Undangan Negeri, dan kalau kita juga memahami apa yang berlaku, saya fikir sudah ada satu perubahan untuk ahli Umno mengeluarkan pandangan mereka dengan lebih jelas tanpa rasa takut," katanya.

Presiden Umno itu berkata, semangat kekeluargaan amat penting bagi mewujudkan perpaduan dalam parti yang akan memudahkan lagi perjuangan Umno.

Abdullah turut menegaskan kepada perwakilan Umno betapa pentingnya untuk mereka berhati-hati dan dan bersikap adil dalam memperjuangkan sesuatu perkara.

LIHAT MUKA 2

Rakyat perlu fahami isu sensitif

DARI MUKA 1

Katanya, segala tindakan yang hendak diambil perlu mengambil kira pandangan parti komponen lain kerana Umno dilantik untuk mengetuai permuafakatan dan kerjasama dalam Barisan Nasional (BN).

"Saya juga menegaskan bahawa adalah penting untuk semua rakyat memahami perkara yang sensitif dan kita perlu hati-hati supaya tidak menimbulkan reaksi yang boleh merosakkan perpaduan," katanya.

Ditanya apakah perwakilan pada perhimpunan kali ini diarah supaya tidak membangkitkan perkara sen-

sitif, Abdullah berkata parti tidak mengadakan sebarang sekatan.

"Kita tak hadkan, tak ada sekatan bagi sesiapa yang nak timbulkan apa jua perkara tapi biarlah dalam lingkungan ataupun mematuhi peraturan persidangan, itu yang penting," katanya.

Sementara itu, kalangan perwakilan menyifatkan mesej Abdullah pada majlis itu sebagai peringatan untuk semua pihak supaya tidak mengambil kesempatan atau menyalahgunakan kebebasan dengan membangkitkan isu sensitif mengenai perkauman dan agama secara keterlaluan.

Setiausaha Umno Bahagian Pokok

Sena, Ramli Mohd Yunus, berkata Perdana Menteri memberitahu semakin sukar baginya untuk menjadi pemimpin yang penyabar.

"Pak Lah memberitahu beliau juga boleh menjadi sebaliknya. Beliau kemudian memberitahu keutamaannya ialah memastikan perkara seperti itu mesti diurus dengan baik dan dengan itu kami perlu bersabar dan bertolak ansur.

"Mesej penting Presiden ialah jangan ambil kesempatan. Beliau menunjukkan kepada kami yang beliau mempunyai kuasa," katanya.

Ahli exco Pemuda Umno, Datuk Idris Haron berkata, Perdana Menteri sudah menetapkan nada dengan eng-

gan membuat serangan peribadi walaupun selepas dikritik.

"Beliau tidak menyebut Dr Mahathir secara khusus kerana jika dilakukannya, beliau perlu mengaitkannya dengan contoh khusus," katanya.

Ketua Umno bahagian Tanjung Malim, Datuk Mohd Khusairi Abdul Talib berkata, Presiden memberi mesej jelas bahawa di sebalik corak kepimpinannya yang dilihat bertoleransi dan sabar, bukan bermakna beliau tidak akan bertindak tegas.

"Presiden tekankan bahawa beliau boleh bertindak tegas dalam isu yang berkaitan soal keselamatan negara," katanya.